

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN RASMI RANCANGAN RUKUN-TETANGGA KAMPUNG KASIPILLAY, DI WILAYAH PERSEKUTUAN PADA 29^{HB} OGOS, 1975

Encik Ahmad Khan Surattee, Pengerusi Hubungan Masyarakat Kampung Kasipillay, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira petang ini sambil bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat serta bersama-sama dalam peristiwa penting dan bersejarah ini iaitu pelancaran rasmi "Rancangan Rukun Tetangga" untuk kawasan Kampung Kasipillay ini.

Rancangan ini mempunyai hikmat yang besar dalam konteks pembangunan masyarakat dan pembangunan negara di mana rakyat sendiri memainkan peranan yang utama mengawal keamanan dan menjaga keselamatan. Dalam ertikata yang lebih luas, Rukun Tetangga ini merupakan usaha positif memupuk perasaan tanggungjawab menanam perasaan muhibbah serta menjamin perpaduan rakyat.

Semasa Perhimpunan Agung UMNO pada 21 haribulan Jun yang lalu, saya telah mengumumkan iaitu Kerajaan sedang menyediakan Rancangan Rukun Tetangga dan akan melancarkannya sedikit masa lagi. Pelancaran rancangan ini adalah mengambil sempena Hari Kebangsaan kita lusa dan saya percaya akan membawa erti yang lebih berkesan kepada kita semua kerana pelancaran Rukun Tetangga ini diadakan dalam suasana bersejarah semasa seluruh rakyat menyambut Ulangtahun Kemerdekaan negara kita yang kelapan belas. Tema Hari Kebangsaan pada tahun ini ialah "Masyarakat Berdikari". Memang sangat sesuai tema itu dijadikan panduan atau pegangan hidup rakyat untuk mencapai kebahagiaan dan kemakmuran terutama di saat kita menghadapi pelbagai cabaran khasnya kepentingan ekonomi akibat kemerosotan ekonomi dunia. Langkah yang dimulakan oleh penduduk-penduduk Kampung Kasipillay ini amat bermakna sebagai tapak permulaan membina masyarakat baru Malaysia.

Seperti dimaklum, adalah lazim bagi setengah-setengah rakyat menganggap bahawa keamanan dan keselamatan merupakan semata-mata tanggungjawab Kerajaan dan urusan menjayakan terletak di tangan Pasukan Keselamatan. Sikap ini tidaklah betul dan hendaklah dikikis sama sekali dari jiwa rakyat. Sesuai dengan semangat berdikari atau "self-reliance" maka sudah semestinya rakyat memainkan peranan yang cergas dan sedia berkorban harta jiwa raga mereka sekalipun demi mempertahankan maruah dan kepentingan negara. Inilah ujian atau ukuran taat setia seorang rakyat terhadap negara kita.

Saya sukacita nampaknya Rancangan Rukun Tetangga ini diterima baik oleh rakyat khasnya daripada penduduk-penduduk di beberapa tempat dalam Wilayah Persekutuan di mana terdapat beberapa Residence Association yang telah ditubuhkan atas inisiatif dan kehendak mereka sendiri.

Sebenarnya beberapa di antara Residence Association ini telah bergerak dengan aktif sejak beberapa tahun yang lalu dalam usaha menanam semangat muhibbah di kalangan rakyat. Hasil daripada khidmat sukarela dan perasaan penuh tanggungjawab mereka itu telah membawa perubahan yang bermakna demi kepentingan dan kebajikan penduduk setempat di samping memupuk perasaan persefahaman dan perpaduan antara sesama mereka.

Ini nyatalah satu pertanda yang baik dan seharusnya dijadikan contoh tauladan dan perangsang kepada penduduk di kawasan-kawasan lain. Hanya dengan semangat dan perasaan tanggungjawab seperti inilah maka segala tenaga dan usaha rakyat dapat dipadu dan digembelngkan supaya kita sekalian dapat hidup dalam keadaan aman dan bahagia.

Saudara-saudara sekalian,

Saya dimaklumkan beberapa di antara Residence Association ini telah mengambil daya usaha untuk mengadakan kawalan dan rondaan sukarela beramai-ramai pada waktu malam di kawasan masing-masing. Ini adalah bukti yang nyata bahawa mereka sudah benar-benar sedar iaitu menjaga rumahtangga, harta benda dan kampung halaman masing-masing adalah tanggungjawab mereka bersama dan bukan semata-mata tanggungjawab Kerajaan.

Kerjasama dan hubungan rapat yang telah diberikan kepada pihak Polis oleh anggota-anggota Residence Association sangat dihargai dan membawa kejayaan yang cemerlang kepada usaha-usaha Polis. Semangat dan sikap inilah yang kita harus tanamkan dalam hati sanubari setiap anggota masyarakat khususnya masyarakat di bandar kerana lazimnya masyarakat bandar adalah lebih individualistik hingga kadang-kadang tidak menghiraukan apa yang terjadi di luar rumah mereka sendiri.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada beberapa Residence Association di Wilayah Persekutuan yang benar-benar ingin mengamalkan rancangan Rukun Tetangga walaupun undang-undang baginya belum siap sempurna. Kerajaan belum lagi dapat memberi kuasa undang-undang untuk pelaksanaannya. Oleh kerana kita berpegang teguh kepada falsafah "Masyarakat Berdikari" yang bersendikan Rukunegara maka kita seharusnya memberi segala galakan dan sokongan supaya mereka ini dapat mencapai cita-cita dan mencerminkan hasrat penduduk. Saya akan mengarahkan semua agensi Kerajaan yang berkenaan supaya memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada mereka.

Sungguhpun demikian, saya sukacita menyatakan iaitu Jemaah Menteri telahpun meluluskan undang-undang menguatkuasakan Rancangan Rukun Tetangga yang akan dikenal sebagai Peraturan-peraturan Perlu (Masyarakat Berdikari), 1975; atau Essential (Community Self-Reliance) Regulations, 1975. Undang-undang ini diadakan semata-mata untuk memastikan penyertaan yang adil dan menyeluruh dari semua penduduk negara ini tanpa mengira pangkat dan darjat mereka, sama ada Menteri atau Executive, Buruh atau Peniaga. Kita mahu semua rakyat turut berganding bahu menggembeling usaha dan tenaga bagi menjayakan rancangan Rukun Tetangga ini. Penyertaan setiap warga negara dan penduduk dalam rancangan ini adalah satu cara membuktikan taat setianya kepada negara ini—negara yang memberi rezeki dan perlindungan kepada mereka.

Sehingga hari ini kita mempunyai berbagai jenis pertubuhan sukarela seperti Askar Wataniah, RELA, Pasukan Pertahanan Tempatan, Pertubuhan Pertahanan Awam, St. John's Ambulance, Pertubuhan Masyarakat dan lain-lain lagi. Kesemuanya bertujuan

antara lainnya untuk menyatu padukan penduduk dengan melahirkan perasaan persefahaman di antara satu sama lain. Lanjutan kepada usaha kita dan dalam membentuk satu masyarakat berdisiplin yang bersatu padu, maka rancangan Rukun Tetangga telah dilahirkan dengan tujuan menggembeling tenaga rakyat dalam usaha menjaga keamanan dan keselamatan negara di samping membawa kebahagiaan hidup kepada masyarakat yang sentiasa sedia berdiri teguh menentang musuh dan pengkhianat negara.

Saudara-saudara sekalian,

Pada peringkat permulaan ini kita akan memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan bandar dan di beberapa kawasan di luar bandar yang mempunyai implikasi Keselamatan. Saya yakin dengan sambutan dan penerimaan baik dari rakyat maka dalam masa yang singkat sahaja seluruh Malaysia akan mengamalkan Rukun Tetangga sebagai satu "way of life" atau cara hidup sehari-hari yang akan kita warisi kepada jenerasi akan datang.

Bagi kawasan-kawasan di luar bandar, Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang sedia ada akan diberi tugas dan tanggungjawab tambahan iaitu keselamatan; dan namanya akan diganti dengan Jawatankuasa Keamanan dan Kemajuan Kampung. Ahli-ahli yang sedia ada akan terus berkhidmat tetapi ahli-ahli baru hendaklah diambil dari mereka yang benar-benar boleh membantu sesuai dengan tugas dan tanggungjawab baru ini.

Di bandar pula, satu Jawatankuasa terdiri dari penduduk-penduduk akan dibentuk dan diberi nama Jawatankuasa Keamanan Penduduk. Ahli-ahlinya akan dipilih dari Persatuan Penduduk (Residence Association) setempat, Yunit Pertubuhan Masyarakat, RELA, Pertahanan Awam, Belia 4B dan lain-lain termasuklah orang perseorangan yang difikir boleh memberi khidmat sesuai dengan pengalaman dan pengetahuannya untuk membantu dalam urusan dan aktiviti Rukun Tetangga di kawasan masing-masing.

Dengan demikian, segala kemampuan dan tenaga organisasi dan orang-orang perseorangan akan dapat dipadu dan disalurkan untuk kepentingan dan kebajikan penduduk setempat. Tugas dan kewajipan Jawatankuasa Keamanan Penduduk bukan terhad kepada

keselamatan sahaja, bahkan kita telah memberikan tanggungjawab dan kuasa yang lebih luas dari itu antara lain meliputi juga bidang sosial dan kesihatan yang sama pentingnya.


Kita telah memberikan tanggungjawab dan kuasa yang lebih untuk meluaskan skop dan untuk menggabung khasnya kehendak-kehendak perpaduan dan keselamatan supaya dengan penglibatan dan penyertaan setiap penduduk dari berbilang kaum dan darjat akan dapat sedikit demi sedikit menghapuskan prasangka-prasangka yang memisahkan satu kaum dengan yang lain dan seterusnya membawa kepada proses integrasi rakyat. Perkara yang paling penting terutama bagi masyarakat di bandar ialah menanamkan semangat bahawa masa depan mereka bergantung kepada ketenteraman dalam negeri, harmoni dan perpaduan masyarakat.

Saudara-saudara sekalian,

Mengenai majlis hari ini, saya sukacita merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat dan Jawatankuasa Persatuan Penduduk Kampung Kasipillay yang telah mengambil inisiatif menjadikan kampung mereka sebagai Kampung Contoh Rukun Tetangga. Saya faham penduduk di sini berjumlah 7,000 orang dan mereka bersedia memberikan khidmat untuk rancangan Rukun Tetangga ini.

Saya yakin rancangan Rukun Tetangga ini akan mendekatkan kita kepada cita-cita negara aman, makmur dan bersatu. Saya merayu kepada semua yang terlibat baik agensi-agensi Kerajaan, Organisasi Sukarela dan seluruh rakyat negara memberi khidmat dan sokongan yang sepatutnya.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Rancangan Rukun Tetangga dilancarkan di Kampung Kasipillay dan diharap akan mendapat penuh kejayaan.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sewaktu merasmikan pelancaran Yunit Rukun Tetangga Kasipillay Sentul di Kampong Kasipillay, Kuala Lumpur pada 29hb Ogos, 1975